

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN NEGERI KELANTAN
BILANGAN 6 TAHUN 2020**


**GARIS PANDUAN BAGI PENAMBAHBAIKAN KELAYAKAN TEKNIKAL DAN
KEWANGAN BAGI PERMOHONAN TENEMEN MINERAL DI BAWAH SEKSYEN 41,
63 DAN 81 ENAKMEN MINERAL 2001**

Pekeling ini dikeluarkan untuk makluman kepada semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan bahawa Pihak Berkuasa Negeri melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Kali Ke-4/2020 yang bersidang pada 19 Februari 2020 melalui Kertas Bil. 4/2020/D6(153) telah membuat keputusan sebagaimana berikut:-

- i. Garis panduan bagi penambahbaikan untuk penilaian kelayakan teknikal dan kewangan oleh jabatan-jabatan teknikal dari sudut ulasan/pandangan teknikal bagi permohonan tenemen mineral di bawah Seksyen 41, 63 dan 81 Enakmen Mineral 2001 diluluskan sebagaimana Jadual di **Lampiran I**.
- ii. Mana-mana syarikat/pemohon yang berstatus ‘dormant’ hendaklah dikenakan fi komitmen sebanyak RM 10,000.00 sebagai jaminan kepada kemampuan syarikat/pemohon.
- iii. Pengenaan deposit pematuhan sebanyak RM 250,000.00 bagi setiap permohonan pajakan melombong/lesen melombong tuan punya dengan keluasan minimum 10 hektar. Manakala bagi keluasan kurang dari 10 hektar hendaklah dikenakan sebanyak RM 100,000.00 (Deposit pematuhan adalah sebagai jaminan kepada pematuhan apa-apa peruntukan dalam Enakmen Mineral 2001, pematuhan keperluan kajian EIA iaitu di bawah Aktiviti 8(a) atau (b), Jadual 2, Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan) (Penilaian Kepada Kesan Alam Sekeliling) 2015 dan mana-mana undang-undang bertulis lain yang berkaitan dengannya. Deposit tersebut akan terletakhak kepada Pihak berkuasa Negeri sekiranya berlaku ketidakpatuhan tersebut. Perletakhakkan

- deposit ini juga tidak menghalang Pihak Berkuasa Negeri untuk mengambil tindakan mengkompaun atau denda atau menjalankan apa-apa pendakwaan.
- iv. Pegangan saham hendaklah pada nisbah 51% milik melayu : 49% milik bukan melayu dan sebarang pertukaran nama ahli lembaga pengarah syarikat, perolehan atau pemindahan pegangan saham syarikat, sebelum pertukaran atau pemindahan tersebut dikemukakan kepada Pendaftar Syarikat (untuk mendapatkan kelulusan di bawah Akta Syarikat 1965) hendaklah mendapat kelulusan daripada Pihak Berkuasa Negeri terlebih dahulu dan dikenakan fi sebagaimana fi pemindahnilikan tenemen mineral sebanyak RM 25,000.00. Sekiranya didapati pegangan saham syarikat bagi bumiputera kurang daripada 51%, maka hendaklah dikenakan fi komitmen/denda sebanyak RM 5,000.00 bagi setiap unit saham sehingga mencapai pegangan saham minima iaitu 51%.
 - v. Penerima pajakan melombong atau pemegang lesen melombong tuan punya yang menjalankan pengendalian melombong secara berskala kecil hendaklah menyumbang sejumlah 1% daripada nilai pengeluaran minima tahunan atau tidak melebihi RM 100,000.00 setahun manakala bagi penerima pajakan melombong atau pemegang lesen melombong tuan punya yang menjalankan pengendalian melombong secara berskala besar hendaklah menyumbang sejumlah 1% daripada nilai pengeluaran minima tahunan atau tidak melebihi RM 1,000,000.00 setahun dalam bentuk *Corporate Social Responsibilities (CSR)* untuk Tabung Pendidikan Pelajaran Kelantan di bawah seliaan Yayasan Islam Kelantan.
 - vi. Bagi pajakan melombong yang terletak di dalam Hutan Simpan Kekal (HSK), status HSK hendaklah dibatalkan dan dikeluarkan di bawah Seksyen 11 Akta Perhutanan Negara 1984 menjadi Tanah Kerajaan. Kawasan ini akan diwartakan kembali menjadi Hutan Simpan Kekal di bawah Seksyen 7 Akta Perhutanan Negara 1984 selepas Jabatan Mineral Dan Geosains Negeri Kelantan berpuashati bahawa penerima pajakan telah membaikpulih tanah lombong ini sebaik mungkin sebelum diwartakan kembali menjadi Hutan Simpan Kekal.

- vii. Syarat di para i hingga iv juga adalah tertakluk kepada syarikat yang mengadakan usahasama dengan mana-mana syarikat GLC milik Kerajaan Negeri atau mana-mana tuan punya tanah berdaftar bagi sebarang permohonan tenemen mineral.
2. Semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan hendaklah mengambil tindakan yang sewajarnya selaras dengan pemakaian pekeliling ini.
3. Pekeliling ini hendaklah berkuatkuasa serta merta.



**DATO' HAJI ZAMRI BIN HAJI ISMAIL D.P.S.K.(Kelantan), K.M.N.
PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KELANTAN**

KEPADА:

YABhg. Dato'/Yang Amat Berusaha
Semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan

SALINAN KEPADA:

1. YAB. Ustaz Dato' Bentara Kanan Menteri Besar Kelantan
2. YB. Dato' Timbalan Menteri Besar Kelantan
3. YB. Dato' Kaya Setia Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
4. YB. Dato' Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan
5. YB. Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan
6. YM Tengku Kaya Perkasa Dato' Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan)
7. YABrs. Pengarah Jabatan Audit Negara Negeri Kelantan
8. YABrs. Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan
9. YABrs. Pengarah Jabatan Mineral Dan Geosains Negeri Kelantan

10. YABrs. Pengarah Jabatan Alam Sekitar Negeri Kelantan
11. YABrs. Pengarah Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Kelantan
12. YBrs. Ketua Penolong Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan Kelantan

PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KELANTAN
BLOK 3 KOTA DARULNAIM
15576 KOTA BHARU
KELANTAN

NO. FAIL : PTG.KN.1/2/31
BERTARIKH : 18 RAMADHAN 1441H
11 MEI 2020

JABATAN	A. Permohonan Baru Temem Mineral	ASPEK TEKNIKAL	
			ASPEK KEWANGAN
Jabatan Mineral Dan Geosains Negeri Kelantan (JMG)	<p>1. Lokaliti</p> <ul style="list-style-type: none"> - Jelaskan kedudukan kawasan yang dipohon dengan merujuk kepada satu lokasi/rujukan seperti bandar terdekat. <p>2. Status Pemohon</p> <ul style="list-style-type: none"> - Nyatakan status pemohon samada dibenarkan oleh undang-undang untuk menjalankan aktiviti yang dipohon dan mempunyai kemampuan kewangan serta teknikal untuk menjalankan kerja <p>3. Kepentingan Pemohon</p> <ul style="list-style-type: none"> - Nyatakan sekiranya terdapat kepentingan pemohon dalam kawasan berhampiran, urumpamanya aktiviti melombong/mencarigali. <p>4. Topografi Dan Geomorfologi</p> <ul style="list-style-type: none"> - Penerangan mengenai keadaan rupabumi bagi kawasan dipohon dengan memasukkan garisan kontur dalam peta yang disediakan sekiranya bersesuaian. Ini adalah untuk mengaitkannya dengan kesesuaian skim melombong yang dicadangkan seperti kedudukan kawasan hampas serta potensi impak hakisan. <p>5. Litologi Kawasan Dipohon</p> <ul style="list-style-type: none"> - Nyatakan geologi am serta jenis batuan yang terdapat dalam kawasan permohonan. 		

JABATAN	ASPEK TEKNIKAL	ASPEK KEWANGAN
6. Kajian Sumber Mineral	<ul style="list-style-type: none"> - Berdasarkan maklumat yang ada, sajada daripada kajian jabatan, laporan carigali atau penerbitan yang sediada, nyatakan perkara berikut : <ul style="list-style-type: none"> > Jenis mineral > Rizab mineral (jika ada) > Kualiti / gred mineral > Keluasan deposit > Kajian yang sedang dilaksanakan 	
7. Status Tanah	<ul style="list-style-type: none"> - Nyatakan status tanah yang diliiputi kawasan yang dipohon seperti Tanah Kerajaan, Tanah Rizab Hutan, Tanah Berimilik, Pajakan Melombong, Rizab Melayu, Rizab Orang Asli, Hak Adat Bumiputera dan sebegainya. 	
8. Kehendak Dan Kekangan Tempatan	<ul style="list-style-type: none"> - Ulasan perlu menjelaskan dasar, kehendak dan kelkangan tempatan yang sediada serta keperluan semasa bagi menyesuaikan syarat-syarat yang perlu dikenakan dengan mengambil kira perkembangan akan datang. 	
9. Struktur Am	<ul style="list-style-type: none"> - Kedudukan struktur seperti jalan raya, saliran, talian elektrik, bangunan dan sebagainya yang terdapat dalam kawasan yang dipohon atau yang berhampiran yang perlu dilaporkan. 	
10. Permohonan Bertindih	<ul style="list-style-type: none"> - Semua permohonan bertindih yang belum mendapat keputusan dari PBN perlu disenaraikan dan ditunjukkan dalam pelan bagi 	

JABATAN	ASPEK TEKNIKAL	ASPEK KEWANGAN
	<p>mengambaran samada kawasan yang dipohon masih boleh diperoleh atau sebaliknya. Nyatakan syor-syor jabatan bagi pemohonan terdahulu.</p>	
11. Rekod Carigali Dan Perlombongan	<ul style="list-style-type: none"> - Rekod carigali dan perlombongan di kawasan yang dipohon atau yang berhampiran memberikan petunjuk samada kawasan dipohon potensi untuk dilombong atau sudah habis dikerjakan. 	
12. Kesesuaian Perancangan Kerja	<ul style="list-style-type: none"> - Bagi membolehkan ulasan dan perimbangan dibuat dengan lebih baik, adalah perlu diteliti kesesuaian rancangan kerja yang dikemukakan oleh pemohon berdasarkan kepada praktikaliti, keselamatan, kesan terhadap alam sekitar dan dasar-dasar semasa. Bagi pemohonan lesen mencari galih tidak perlu meminta pemohon mengemukakan satu skim yang komprehensif oleh kerana ia belum tentu mendapat kelulusan. 	
13. Maklumat Tambahan	<ul style="list-style-type: none"> - Maklumat tambahan yang menyokong ulasan atau sebaliknya seperti gambar kawasan dipohon, imej satelit dan sebagainya amat berguna semasa membuat perimbangan. 	
14. Pelan	<ul style="list-style-type: none"> - Laporan yang disediakan perlu disertakan dengan pelan dalam bentuk GIS. 	
15. Ulasan Dan Perakuan	<ul style="list-style-type: none"> - Perakuan hendaklah konsisten dan logik berdasarkan maklumat yang ada serta dikenakan syarat sekiranya perlu. 	

JABATAN**ASPEK TEKNIKAL****B. Permohonan Pembaharuan Tenemen Mineral****ASPEK KEWANGAN**

1. **Butiran Lesen/Pajakan**
 - Nyatakan maklumat yang dipohon untuk pembaharuan samada sebahagian atau keseluruhan kawasan tenemen mineral.
2. **Sejarah Ringkas Atau Aktiviti Terkini**
 - Nyatakan sejarah ringkas atau aktiviti terkini kawasan dipohon untuk pembaharuan.
3. **Keputusan Carigali**
 - Nyatakan keputusan carigali bagi kawasan ini untuk permohonan pembaharuan lesen mencarigali. Sekiranya kerja carigali untuk pembangunan dibuat dalam pajakan melombong, keputusan tersebut juga perlu dinyatakan.
4. **Rekod Pengeluaran**
 - Nyatakan pengeluaran mineral di kawasan dipohon dan rizab yang masih boleh dikerjakan serta jangka hayat rizab tersebut dengan mengambil kira keadaan semasa.
5. **Pematuhan Undang-Undang Dan Syarat**
 - Semak samada pemohon telah mematuhi undang-undang dan syarat yang ditetapkan.
6. **Cadangan Walaupun Hadapan**
 - Ulasan ke atas cadangan kerja carigali atau perlombongan yang dikemukakan oleh pemohon.
7. **Kehendak Dan Kekangan Tempatan Terkini**
 - Nyatakan kehendak dankekangan terkini bagi membolehkan kerja yang dicadangkan dilaksanakan dengan baik serta selamat.

JABATAN	ASPEK TEKNIKAL	ASPEK KEWANGAN
	<p>AKTIVITI PERLOMBONGAN DI BAWAH PERINTAH EIA</p> <ul style="list-style-type: none"> - Penetapan/penentuan sesuatu permohonan mineral/perlombongan samada aktiviti tersebut tertakluk atau tidak kepada keperluan penyediaan laporan Environmental Impact Assessment (EIA) adalah dengan merujuk kepada Perintah EIA 2015; - <p><u>Perintah EIA 2015 – Aktiviti 8 – PERLOMBONGAN</u></p> <p>Menyatakan ;-</p> <p><u>Jadual Pertama</u> – Aktiviti 8(a) – Pemprosesan bijih di luar kawasan tenemen mineral, termasuk pemekatan aluminium, kuprum, emas, besi, tantalum atau elemen nadir bumi.</p> <p><u>Jadual Kedua</u> – Aktiviti 8(a) – Perlombongan bahan galian dalam kawasan baharu yang melibatkan operasi skala besar.</p> <p><u>Jadual Ketiga</u> – Aktiviti 8(b) – Perlombongan bahan galian di dalam atau bersebelahan atau berdekatan kawasan sensitif alam sekitar.</p> <p>Sekiranya sesuatu permohonan tenemen mineral tertakluk kepada Perintah EIA 2015, maka prosidur pemprosesan laporan EIA hendaklah mematuhi peruntukan-peruntukan sebagaimana yang ditetapkan di bawah Seksyen 34A Akta, Perintah EIA 2015 dan Environmental Impact Assessment Guideline In Malaysia 2016 terbitan JAS.</p>	

JABATAN	ASPEK TEKNIKAL	ASPEK KEWANGGAN
	<p>Bagi aktiviti yang tertakluk di bawah Jadual Pertama, Perintah EIA 2015, laporan EIA tersebut akan dinilai dan diproses di peringkat JAS Negeri. Manakala aktiviti yang tertakluk di bawah Jadual Kedua, Perintah EIA 2015, laporan EIA tersebut akan dinilai dan diproses di peringkat Ibu Pejabat JAS Putrajaya dan prosidur yang perlu dipatuhi adalah memerlukan pameran awam dan ulasan awam sebagaimana kehendak di bawah peruntukan Perintah 3(3), Perintah tersebut.</p> <p><u>AKTIVITI LAIN DI BAWAH PERINTAH EIA 2015 SELAIN DARIPADA AKTIVITI PERLOMBONGAN</u> <u>Perintah EIA 2015 – Aktiviti 5 - PERHUTANAN</u></p> <p>Menyatakan ;</p> <p><u>Jadual Pertama</u> – Aktiviti 5(a) – Pengubahan hutan pada ketinggian 300 meter atau lebih di atas purata paras laut kepada penggunaan tanah lain yang meliputi kawasan seluas 20 hektar atau lebih lagi kurang daripada 100 hektar.</p> <p><u>Jadual Kedua</u> – Aktiviti 5(b) – Pembalakan atau penebangan atau pengambilan kayu bagi maksud pengubahan hutan kepada kegunaan tanah lain yang meliputi keluasan 100 hektar atau lebih lagi kurang daripada 500 hektar.</p> <p><u>Jadual Kedua</u> – Aktiviti 5(a) – Pengubahan hutan pada ketinggian 300 meter atau lebih di atas purata aras laut kepada kegunaan lain tanah yang meliputi kawasan seluas 100 hektar atau lebih.</p>	

JABATAN	ASPEK TEKNIKAL	ASPEK KEWANGAN
	<p>Jadual Kedua – Aktiviti 5(b) – Pembalakan atau pengubahan hutan kepada kegunaan tanah yang lain di dalam –</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) kawasan tadahan di kolam takungan air yang digunakan bagi bekalan air perbandaran, pengairan atau penjanaan kuasa hidro; (ii) kawasan yang bersebelahan atau berdekatan dengan mana-mana taman negeri, taman negara atau taman laut negara; (iii) mana-mana taman negeri, taman negara atau taman laut negara; atau (iv) kawasan yang diwartakan sebagai hutan tadahan air di bawah Akta Perhutanan Negara 1984 (Akta 313) <p>Dengan mengambilira peruntukan di atas, mana-mana aktiviti pengubahan hutan atau pembalakan/penebangan/pengambilan kayu bagi maksud pengubahan hutan kepada kegunaan tanah lain <u>yakni untuk tujuan mesyambong</u> (iaitu kawasan tenemen mineral) yang terakluk di bawah peruntukan di atas adalah juga perlu menyediakan laporan EIA dan mematuhi peruntukan-peruntukan sebagaimana laporan <i>Seksyen 34A Akta, Perintah EIA 2015</i> yang ditetapkan di bawah <i>Impact Assessment Guideline In Malaysia and Environmental Impact Assessment Guideline In JAS 2016</i> terbitan JAS.</p> <p>B. Lokasi permohonan, samada termasuk di dalam Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS) atau sebaliknya.</p> <p>Merujuk kepada Perintah 2, Perintah EIA 2015 – “Kawasan sensitif alam sekitar” ertiinya –</p>	

JABATAN	ASPEK TEKNIKAL	ASPEK KEWANGAN
	<p>(a) mana-mana kawasan yang ditetapkan, sedemikian di dalam rancangan pemajuan atau rancangan fizikal negara di bawah Akta Perancangan Bandar Dan Desa 1976 (Akta 172).</p> <p>Dalam hal ini, Rancangan Struktur Negara (RSN) dan Rancangan Tempatan Dan Jajahan (RTJ) sebagai <u>mana perwartaan di bawah Akta Perancangan Bandar Dan Desa 1976 bagi Negeri Kelantan adalah digunakan</u> di dalam menentup pasti samada sesuatu kawasan permohonan perlombongan/tenemen mineral tersebut berada <u>dalam atau bersebelahan atau berdekatan dengan kawasan sensitif alam sekitar</u> sebagaimana peruntukan di bawah Jadual Kedua, Aktiviti 8(b), Perintah EIA 2015.</p>	
Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan (JPNK)	<p>Ulasan yang diberikan adalah berdasarkan perkara-perkara seperti berikut :</p> <ol style="list-style-type: none"> Kawasan perlindungan : Contoh - Kawasan tадahan air Petak-petak kajian yang ditubuhkan untuk tujuan penyelidikan Kawasan yang telah disenaraikan untuk skop Pensijilan Pengurusan Hutan MC & I (Hutan Asli) <p>Walau bagaimanapun, anggaran hasil bagi kayu kayan boleh dibuat selepas bincian isi hutan dilaksanakan tetapi proses ini mengambil masa keraha melibatkan aktiviti di lapangan.</p> <p>JPNK akan memaklumkan pertindihan yang berlaku dengan kawasan</p>	

JABATAN	ASPEK TEKNIKAL	ASPEK KEWANGAN
	<p>permohonan seperti berikut :-</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Kawasan kelulusan dan kawasan lesen bagi semua projek ladang hutan b) Kawasan kelulusan dan kawasan lesen bagi aktiviti mengusaha hasil di dalam Hutan Simpanan kekal, Tanah Kerajaan atau Tanah Milik c) Pertindihan dengan kawasan lain seperti Tanah Kesultanan juga akan dinyatakan dalam ulasan JPNK. 	<p>i) Memperincikan sungai-sungai/anak sungai yang terlibat dalam kawasan permohonan.</p> <p>ii) Sekiranya melibatkan penggunaan sumber air dari sungai hendaklah dikenakan royalti penggunaan air sebagaimana Enakmen Sungai Dan Parit 1935 di bawah Seksyen 8(iv)(c).</p> <p>iii) Larangan sebarang lencongan sungai tanpa kebenaran di kawasan permohonan sebagaimana Enakmen Sungai Dan Parit 1935 di bawah Seksyen 8 (iii) dan Seksyen 8 (ii).</p> <p>iv) Sebarang permohonan yang berada di kawasan alur/anak sungai/sungai perlu menetapkan rizab sungai sebagaimana diwartakan di bawah Seksyen 13 (i)(ii)(a) Kanun Tanah Negara 1965 oleh Kerajaan Negeri Kelantan Bil. 1/2015 atau mengikut Garis Panduan Pembangunan di Sungai dan Rizab Sungai JPS Malaysia.</p> <p>v) Permohonan di kawasan sungai dan rizab sungai perlu bertanggungjawab terhadap sebarang kerosakan di tebing sungai dan di dalam sungai sebagaimana Enakmen Sungai Dan</p>
Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Kelantan (JPS)		<p>i) Aspek kewangan bagi operasi pemantauan jabatan ditanggung oleh pengusaha :</p> <ul style="list-style-type: none"> - Peralatan (persampelan/ peralatan keselamatan) - Logistik (tuntutan perjalanan/ kerja lebih masa) - Ujian persampelan kerja-kerja - Perlantikan kontrak kecemasan - Kontigensi <p>ii) Pemohon perlu menyediakan wang cagaran atau jaminan bank mengikut kadar yang ditetapkan oleh PTG (kadar Wang perlu dibincangkan bersama). Wang cagaran ini untuk mengawal keadaan</p>

JABATAN	ASPEK TEKNIKAL	ASPEK KEWANGANAN	
		sungai/ kawasan perlombongan yang terlibat :	
Parit 1935 Seksyen 5.	<ul style="list-style-type: none"> - Wang cagaran ini akan diserahkan kembali apabila pengusaha mengemukakan permohonan setelah tamat tempoh permit dan pihak kerajaan berpuas hati tiada kerosakan. 	<ul style="list-style-type: none"> i) Laporan kewangan beraudit syarikat bagi 3 tahun berturut-turut bagi mengesahkan kedudukan sebenar kewangan syarikat. ii) Modal saham syarikat sekurang-kurangnya 10% dari nilai kos projek keseluruhan. iii) Jika syarikat mengalami kerugian berturut-turut, boleh dipertimbangkan sekiranya mempunyai nilai aset yang melebihi liabiliti. iv) Laporan kewangan beraudit syarikat mestilah didaftarkan dengan SSM agar maklumat kewangan syarikat dikenalpasti di MyDATA SSM. v) Bagi syarikat baru (kurang 1 tahun), ia perlu mengemukakan bersama Laporan Akaun Pengurusan Syarikat sehingga 	
Unit Perancang Ekonomi Negeri Negeri (UPEN)	<ul style="list-style-type: none"> i) Mestilah syarikat yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) ii) Mestilah mempunyai dokumen rasmi SSM mengenai pemegang saham, senarai pengarah, M&A, Sijil/Borang 9 bagi mengesahkan keabsahan syarikat. iii) Aktiviti perlombongan mestilah wujud dalam aktiviti berdaftar syarikat (disebut di dalam M&A atau perlembagaan syarikat) serta dikemaskini sebagai aktiviti utama dan dikemaskini dalam sistem MyDATA SSM. iv) Profil syarikat yang menunjukkan aktiviti perniagaan yang telah dilaksanakan akan menunjukkan kemampuan syarikat. Jika syarikat tiada keperluan khusus, ia perlu menyatakan syarikat usahasama bagi menjalankan projek ini sebagai sokongan kebolehlaksanaan projek. 		

JABATAN	ASPEK TEKNIKAL	ASPEK KEWANGAN
		<p>tarikh semasa permohonan bagi menunjukkan kemampuan syarikat. Atau dikemukakan bersama mana-mana syarikat usahasama/ syarikat induk yang menyokong projek berkenaan sebagai sokongan kewangan.</p>